



KPWKM

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**PROGRAM SKUAD WAJA NEGERI SELANGOR 2022 :
KESEIMBANGAN DEMI KESEJAHTERAAN**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN BESAR LKIM, WISMA LKIM, PUCHONG, SELANGOR
7 OGOS 2022 (AHAD) / 3.00 PETANG**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita semua dapat bertemu dan berkumpul dalam majlis yang penuh ceria dan meriah pada hari ini **sempena Program Skuad Waja Negeri Selangor 2022.**
2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini kerana **kehadiran dan komitmen anda dalam program ini amat bermakna** dalam matlamat kita untuk **memperkasa, memberi kesedaran dan melindungi wanita terutamanya dari sebarang bentuk keganasan dan penganiyaan.**

(B) LATAR BELAKANG SKUAD WAJA

3. Para hadiran yang saya muliakan, **YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan Skwad Waja sempena Majlis Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2021 yang lalu dan Majlis Pelancaran Skwad Waja telah disempurnakan pada 17 Oktober 2021.** Kedua-dua majlis ini membuktikan kepentingan dan pengiktirafan peranan Skwad Waja dalam komuniti **dalam meningkatkan kesedaran seluruh masyarakat untuk mengambil tindakan bagi menghentikan keganasan terhadap wanita.**

4. Pelaksanaan Program Skwad Waja ini bermula pada **Januari 2021 dan sehingga 31 Julai 2022 ahli Skwad Waja yang telah berdaftar adalah**

yang berdikari dan peka dengan keperluan masyarakat serta saling bantu membantu antara satu sama lain.

(B) IMPAK DAN KEJAYAAN SKUAD WAJA DALAM KOMUNITI

7. Pada tahun 2021, Kementerian memfokuskan kepada pendaftaran ahli Skwad Waja. Walau bagaimanapun pada tahun ini, **penekanan diberi kepada program psikososial dan aktiviti turun padang**. Oleh itu, ahli Skwad Waja pada tahun ini banyak melaksanakan pelbagai program santuni masyarakat dan mendekati dengan lebih dekat individu yang memerlukan melalui Model 4K.

8. Bermula tahun **2021 sehingga 31 Julai 2022, seramai 71,718 individu telah disantuni dalam program psikososial.** Tahniah dan ribuan terima kasih saya ucapkan kepada semua ahli Skwad di atas kepekaan dan keprihatinan semua dalam memastikan impak program Skwad Waja sampai kepada masyarakat.

9. Bagi Negeri Selangor sendiri, bermula tahun **2021 sehingga 31 Julai 2022, seramai 25,786** orang telah mendaftar sebagai ahli Skwad Waja dan seramai **3,396 individu telah disantuni oleh ahli Skwad Waja Selangor.** Terima kasih saya ucapkan atas usaha bakti tanpa jemu oleh semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam kita menyemarakkan peranan Skwad Waja dalam komuniti terutamanya di Selangor.

10. Sesungguhnya program **Skwad Waja** ini sangat memberi kesan yang positif kepada komuniti terutamanya kepada wanita berdasarkan kepada aktiviti psikososial yang telah dikongsikan.

11. Antara kisah yang dikongsikan dan menarik perhatian saya ialah kisah di mana ahli **Skwad Waja** telah berjaya menyelamatkan seorang wanita daripada cubaan membunuh diri. Kejadian ini berlaku di mana wanita ini yang juga seorang ibu mengalami tekanan perasaan menguruskan dua orang anaknya yang mempunyai kecelaruan spektrum autism. Salah seorang saksi yang melihat kejadian itu telah menghubungi pihak Kementerian dan dirujuk kes tersebut kepada ahli **Skwad Waja**. **Ahli Skwad Waja** tersebut telah bercakap dengan mangsa melalui telefon dan menenangkan beliau. Mangsa telah dirujuk untuk sesi

kaunseling dengan pegawai psikologi JPW dan sesi kaunseling masih diteruskan.

12. Dalam kisah yang lain, ahli Skwad Waja telah menerima aduan **kes penganiayaan terhadap seorang remaja wanita yang ditemui diikat dan terdapat kesan luka dan pukul di badan.** Ahli Skwad Waja telah melaporkan kes tersebut kepada pihak polis. Ahli Skwad Waja juga turut **mencari rumah perlindungan untuk menempatkan mangsa memandangkan mangsa tidak mempunyai waris.** Namun, usaha mencari maklumat keluarga mangsa tetap diteruskan dan melalui maklumat yang terdapat pada sijil kelahiran mangsa, ahli Skwad Waja telah berjaya menjejaki waris mangsa dan kini beliau dijaga oleh ibu saudara.

namun keikhlasan ingin membantu menjadi perangsang dan motivasi kepada mereka untuk terus menyantuni komuniti. Ini sekaligus memudahkan pelaksanaan program **Skuad Waja** mencapai objektif dan matlamatnya.

15. Sememangnya objektif pelaksanaan program psikososial dan turun padang ini adalah untuk menyampaikan mesej tentang **peranan penting Skuad Waja sebagai penggerak utama sukarelawan dalam komuniti** dan sebagai *'first responder'* di atas isu yang berlaku, seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan institusi sosial dan pengukuhan masyarakat yang penyayang.

(E) Penutup

Puan-Puan dan Tuan-Tuan yang budiman,

namun keikhlasan ingin membantu menjadi perangsang dan motivasi kepada mereka untuk terus menyantuni komuniti. Ini sekaligus memudahkan pelaksanaan program **Skuad Waja** mencapai objektif dan matlamatnya.

15. Sememangnya objektif pelaksanaan program psikososial dan turun padang ini adalah untuk menyampaikan mesej tentang **peranan penting Skuad Waja sebagai penggerak utama sukarelawan dalam komuniti** dan sebagai *'first responder'* di atas isu yang berlaku, seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan institusi sosial dan pengukuhan masyarakat yang penyayang.

(E) Penutup

Puan-Puan dan Tuan-Tuan yang budiman,

16. Pelaksanaan Program Skuad Waja ini membuktikan kewujudan **sinergi yang baik di antara pihak kerajaan dengan komuniti** dalam menangani isu keganasan terhadap wanita. Ia juga merupakan amanah dan tanggungjawab yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat. Justeru, semua inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Jabatan Pembangunan Wanita patut digiatkan lagi dan disambut baik oleh masyarakat terutamanya untuk membantu komuniti.

17. Saya berharap ahli Skuad Waja Negeri Selangor akan terus **komited, bersemangat dan proaktif dalam memainkan peranan untuk membantu komuniti**. Saya juga menyeru dan menggesa orang ramai dan masyarakat di luar sana untuk menyertai Skuad Waja kerana kita semua mahukan yang terbaik untuk Keluarga Malaysia kita.

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, **sekalung budi kepada semua ahli Skwad Waja Negeri Selangor** kerana turut bersama-sama berganding bahu dengan Kementerian dalam merealisasikan agenda pemerkasaan wanita. Segala tindakan dan peranan yang telah dijalankan oleh ahli Skwad Waja merupakan sesuatu yang sangat bermakna kepada mereka yang memerlukan.
19. Akhir kalam, dengan kalimah suci “Bismillahir Rahmanir Rahim” saya merasmikan Program Skwad Waja Negeri Selangor 2022: Keseimbangan Demi Kesejahteraan.

Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

7 Ogos 2022